

**SOALAN NO. 34****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 19 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

(a) bilangan polis, bomba dan pegawai kesihatan yang terlibat sebagai pengundi pos dalam Skim Kesihatan dan Keselamatan yang diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya; dan

(b) kesediaan meluluskan SPR untuk mengundang pasukan pemantau pilihan raya bebas daripada Sekretariat Komanwel bagi memantau perjalanan PRU14.

35

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah anggota-anggota sembilan (9) Jabatan/Agensi yang akan terlibat dengan pengundian secara pos ini hanya dapat diketahui secara tepat setelah permohonan itu dibuka dan diterima. SPR akan menyemak semua permohonan undi pos itu bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja sebagaimana dalam warta diberi kemudahan pengundian pos.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan kepada peruntukan undang-undang pilihan raya sedia ada, tiada klausa yang menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu mengundang pasukan pemerhati pilihan raya daripada mana-mana organisasi baik tempatan mahupun antarabangsa. Walau bagaimanapun, bagi tujuan memperlihatkan ketelusan proses pilihan raya yang dilaksanakan di Malaysia pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU Ke-13), SPR telah menjemput pemerhati antarabangsa daripada 4 buah negara ASEAN yang terdiri daripada Badan Pengurusan Pilihan Raya (*Election Management Bodies – EMB's*) iaitu negara Thailand, Indonesia, Myanmar dan Kemboja serta pihak Sekretariat ASEAN. Manakala bagi pemerhati tempatan, SPR telah melantik 17 Badan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia bagi membantu SPR memerhatikan proses pilihan raya di seluruh negara.

Berhubung dengan cadangan pelantikan pemerhati bagi PRU Ke-14, SPR sentiasa mempertimbangkan permohonan daripada pihak-pihak yang berkaitan tertakluk kepada dasar dan keputusan SPR mengikut keperluan semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPR akan menjemput pemerhati antarabangsa dari negara-negara Komanwel, Eropah, Asia dan ASEAN yang terdiri daripada wakil Badan Pengurusan Pilihan Raya negara-negara tersebut bagi PRU Ke-14. Selain itu, SPR juga akan menawarkan kepada NGO yang berkecuali dan mana-mana organisasi yang berkeelayakan sebagai pemerhati tempatan. Justeru, SPR sentiasa mempertimbangkan permohonan daripada pihak-pihak yang berkaitan tertakluk kepada dasar dan keputusan SPR mengikut keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.